



Ruj : UKM 3.6.1/224/11 Jld.V

Tarikh : 2 Februari 2009

PEKELILING AKADEMIK BIL. 6/2009

Semua Pelajar Program Prasiswazah

Saudara/i,

PERMOHONAN MASUK PEPERIKSAAN DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN SEMESTER II SESI AKADEMIK 2008-2009

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa peperiksaan akhir Semester II Sesi Akademik 2008-2009 akan dijalankan pada 20 April hingga 10 Mei 2009.

Sehubungan itu, saudara/i diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam urusan permohonan masuk dan draf jadual waktu peperiksaan akhir Semester II Sesi Akademik 2008-2009. Urusan pengesahan permohonan masuk peperiksaan perlu dibuat melalui <http://www.ukm.my/smpweb> mulai **23 Februari hingga 1 Mac 2009**. Dalam paparan borang permohonan ini akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar serta draf jadual peperiksaan akhir. Saudara/i dikehendaki menyemak maklumat tersebut dan mengesahkannya. Tindakan yang saudara/i perlu lakukan ialah seperti berikut:

- a. Sekiranya semua maklumat adalah betul dan tiada percanggahan jadual peperiksaan, maka saudara/i perlu mengesahkannya dengan menekan butang **Sah**.
- b. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan, maka saudara/i dikehendaki menekan butang **Bahagian Akademik** dan mencetak paparan borang tersebut. Sila catatkan percanggahan jadual dan dapatkan pengesahan Fakulti. Borang tersebut hendaklah diserahkan ke **Kaunter Bahagian Pengurusan Akademik** selewat-lewatnya pada 2 Mac 2009.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembedahan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika saudara/i tidak hadir peperiksaan bagi kursus-kursus tersebut saudara/i akan diberi gred E (gagal). Saudara/i yang gagal juga **akan dikenakan denda sebanyak RM 15.00**.



Jadual Waktu Peperiksaan muktamad akan dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) yang akan diedarkan di Pejabat Fakulti masing-masing mulai 24 Mac 2009. Pelajar dinasihatkan untuk menjelaskan semua hutang dengan Universiti untuk mengelakkan sebarang kesulitan. Sekiranya saudara/i mempunyai masalah untuk menjelaskan hutang secara sekaligus, sila berbincang dengan Bahagian Kewangan Pelajar untuk mengelakkan sebarang kesulitan.

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

“ KUALITI TERAS KECEMERLANGAN”

Yang benar,

KIFTIAH ABDUL RAZAK

Timbalan Pendaftar (Akademik)

b.p. Pendaftar

s.k.. Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
Dekan/Pengarah Fakulti/Pusat
Pendaftar
Ketua Penolong Pendaftar/Penolong Pendaftar Fakulti/Pusat
Pengarah Pusat Perancangan Komunikasi dan Korporat
Pengarah Pusat Teknologi Maklumat
Pengetua-Pengetua Kolej
Timbalan Pendaftar, Jabatan Perkhidmatan Pelajar
Ketua Penolong Pendaftar, Unit Peperiksaan dan Pengijazahan
Presiden PMUKM
Papan-papan Notis Pelajar

